

**BERSIH terkejut dengan insiden**  
**MalaysiaKini.com**  
**April 28, 2012**  
**By S Pathmawathy**

Gabungan proreformasi sistem pilihan raya BERSIH mendakwa terkejut dengan dakwaan terhadap pesertanya yang melakukan kekasaran dalam perhimpunan hari ini.

Pengerusi Bersama BERSIH Ambiga Sreenevasan menyifatkan dakwaan kekasaran yang berlaku sebagai sangat jarang berlaku.

Mengulas insiden menterbalikkan kereta polis, Ambiga berkata ia boleh jadi terjadi ekoran hasutan pembuat provokasi.

"Kami ada kecurigaan ini kerana ia sangat jarang dilakukan oleh penyokong kami," katanya kepada pemberita dalam sidang media di KL Sentral petang ini.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malysiakini.com/news/196346>



